



DMHAR
V.
KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
MOF.PKCP.700-7/1/2366

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
 PUAN MASTURA BINTI HUSSAIN
 28 NOVEMBER 2025

Pembayar Cukai merupakan Pengarah Urusan bank yang dilantik secara kontrak bagi tempoh 1 April 2016 sehingga 31 Mac 2018. Walau bagaimanapun, kontrak perkhidmatan Pembayar Cukai telah ditamatkan lebih awal pada 26 Januari 2017 dan telah menyebabkan Pembayar Cukai tidak menerima bayaran gratuiti berserta lain-lain imbuhan.

Hasil keputusan tuntutan hak gratuiti Pembayar Cukai di Mahkamah Sivil, Pembayar Cukai dan pihak bank telah bersetuju memeterai penyelesaian tuntutan melalui “*Settlement Agreement*” bertarikh 27 September 2019 di mana pihak bank bersetuju untuk membayar jumlah gratuiti sebanyak RM4,500,000.00 kepada Pembayar Cukai. Pihak bank telah mengemukakan Borang CP22A bagi Pembayar Cukai bertarikh 16 Oktober 2019 kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) bagi tujuan mendapatkan penyelesaian cukai ke atas amaun bayaran gratuiti tersebut. Taksiran Pendahuluan bagi Tahun Taksiran (“TT”) 2019 telah dinyatakan di dalam Surat Penyelesaian Cukai bertarikh 22 Oktober 2019, dimana taksiran tersebut telah mengambil kira pengecualian cukai sebahagian bagi pembayaran gratuiti di bawah Perenggan 25D Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”) dan Perenggan 15(1)(b) Jadual 6 ACP 1967.

Pada 26 Jun 2020, Pembayar Cukai telah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (“BNCP”) bagi TT 2019 dan melaporkan jumlah pendapatan berkanun sebanyak RM3,878,100.00 yang terdiri daripada penerimaan gratuiti tersebut. Menerusi Borang Q yang telah dikemukakan kepada KPHDN pada 23 Disember 2021, Pembayar Cukai telah merayu bagi pengecualian cukai sepenuhnya ke atas penerimaan gratuiti tersebut di bawah Perenggan 25(1)(c) Jadual 6 ACP 1967. Pembayar Cukai berhujah bahawa *Settlement Agreement* tersebut adalah kontrak baru yang mengikat pihak-pihak dan menjadi punca kuasa tunggal bagi pembayaran gratuiti kepada Pembayar Cukai. Semasa *Settlement Agreement* ditandatangani, Pembayar Cukai telah mencapai usia persaraan iaitu 51 tahun dan seterusnya melayakkan Pembayar Cukai untuk mendapat pengecualian penuh cukai di bawah Perenggan 25(1)(c) Jadual 6 ACP 1967.

KPHDN sebaliknya berhujah bahawa *Settlement Agreement* tersebut adalah kontrak baru yang mengikat Pembayar Cukai dan pihak bank. Taksiran Pendahuluan yang telah dibangkitkan adalah berpandukan maklumat yang dinyatakan dalam Borang CP22A melibatkan Pembayar Cukai yang telah difailkan oleh pihak bank. KPHDN seterusnya berhujah bahawa Pembayar Cukai belum mencapai umur persaraan wajib semasa Pembayar Cukai ditamatkan kontrak pada 26 Januari 2017. Oleh itu, Pembayar Cukai tidak layak untuk mendapat pengecualian penuh di bawah Perenggan 25(1)(c) Jadual 6 ACP 1967. KPHDN turut berhujah bahawa hasil semakan *Settlement Agreement* tersebut mendapati tiada klausa yang menyatakan bahawa kontrak perkhidmatan asal Pembayar Cukai yang telah ditamatkan pada 26 Januari 2017 telah dihidupkan semula untuk tujuan pembayaran gratuiti.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) memutuskan bahawa Pembayar Cukai gagal membuktikan rayuannya selaras dengan Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967. Rayuan Pembayar Cukai ditolak dan Taksiran Disifatkan bertarikh 26 Jun 2020 bagi TT 2019 adalah dikekalkan.

Editorial Note:

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan PKCP dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*